

**PONTENG KELAS DI SMK KANGKAR PULAI. SATU KAJIAN
KUALITATIF**

DEVAKI A/P AYYAVOO

**Tesis Ini Dikemukakan
Sebagai Memenuhi Sebahagian Daripada Syarat
Penganugerahan Sarjana Pendidikan (Psikologi Pendidikan)**

**Fakulti Pendidikan
Universiti Teknologi Malaysia**

30 JUN 2012

DEDIKASI

*Khas buat ayahanda, Ayyavoo a/l Gopal dan ibuanda Rukumani a/p Munusamy,
suami tercinta Magalingam a/l Subramaniam, serta anak-anak yang dikasihi
Laranyaa, Mayuri, Taranii*

Pencapaian ke tahap ini berkat doa dan restumu

Buat sahabat-sahabatku

Terima kasih di atas segala bantuan, tunjuk ajar dan kasih sayang

Semoga jasa kalian semua diberkati Tuhan

PONTENG KELAS DI SMK KANGKAR PULAI. SATU KAJIAN KUALITATIF.

DEVAKI A/P AYYAVOO

UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA

PENGHARGAAN

Segala puji bagi Tuhan kerana dengan limpah kurniaNya, dapat jua akhirnya saya menyiapkan Projek Sarjana ini sebagai memenuhi keperluan syarat penganugerahan Ijazah Sarjana Pendidikan (Psikologi Pendidikan).

Ribuan terima kasih dan setinggi-tinggi penghargaan saya tujukan kepada pensyarah yang telah memberi ilmu dan tunjuk ajar yang berguna selama ini, Khususnya kepada Dr. Zainuddin bin Abu Bakar selaku Penyelia Projek Sarjana ini. Jasa dan budi tuan, hanya Tuhan yang mampu membalasnya.

Penghargaan dan terima kasih ini juga ditujukan khas buat Kementerian Pelajaran Malaysia, Jabatan Pelajaran Negeri Johor, pihak sekolah, guru-guru SMK Kangkar Pulai disiplin, guru-guru serta pelajar-pelajar yang sedia memberikan kebenaran dan komitmen dalam menjalankan kajian ini.

Terima kasih juga saya ucapkan kepada suami tersayang, Magalingam a/l Subramaniam yang begitu sabar dan memahami situasi saya. Penghargaan ini juga ditujukan kepada rakan seperjuangan serta kepada semua yang telah sudi memberikan kerjasama dan dorongan yang begitu tinggi.

Sekian, terima kasih.

ABSTRAK

Kajian ini bertujuan untuk mengetahui sejauh mana pengaruh rakan sebaya, sekolah, dan keluarga terhadap tingkah laku ponteng kelas di Sekolah Menengah Kebangsaan Kangkar Pulai. Kaedah kualitatif separa berstruktur digunakan untuk mengkaji dan mengetahui bagaimana pengalaman pelajar mempengaruhi ponteng kelas di SMK Kangkar Pulai. Tujuh orang pelajar lelaki tingkatan empat yang berusia di antara 15 hingga 16 tahun telah dipilih sebagai responden. Kajian rintis telah dijalankan untuk mengetahui kesahihan instrumen temubual. Kaedah temu bual digunakan berdasarkan data kualitatif yang ditafsir. Hasil temu bual menunjukkan rakan sebaya, keluarga dan sekolah sama-sama mempengaruhi tingkah laku ponteng kelas di Sekolah Menengah Kangkar Pulai. Kesimpulannya, sekolah dan ibu bapa perlu bekerjasama untuk mengurangkan masalah ponteng kelas dalam kalangan pelajar sekolah dengan menjalankan program yang bersesuaian untuk memupuk nilai-nilai kemanusiaan, patriotisme dan nasionalisme agar mereka bertanggungjawab terhadap keluarga, masyarakat dan negara. Pandangan dan cadangan juga turut dibincangkan dalam kajian ini.

ABSTRACT

The study was conducted to find out how far the influence of peers, schools and home environment have on the rate of truancy by students of Sekolah Menengah Kebangsaan Kangkar Pulai. A semi- structured qualitative method was used to investigate and get to know how students' experiences, influence the rate of truancy in SMK Kangkar Pulai. Seven students from Form four, between the ages of fifteen and sixteen were selected to be the respondents. A pilot study was carried out to determine the validity of the interview instrument. This instrument was further used effectively to interpret the qualitative data. The findings of the interview concluded that peers, home environment and family are the dominant factors that lead to truancy among students of SMK Kangkar Pulai. Thus it is clear that schools and parents should work hand-in-hand to reduce the problem truancy among students in schools. This can be achieved by conducting patriotism and nationalism among students so that they will be more responsible towards family society and to the nation. Recommendations and suggestions is also discussed.

KANDUNGAN

BAB	PERKARA	HALAMAN
	JUDUL	i
	PERAKUAN	ii
	DEDIKSI	iii
	PENGHARGAAN	iv
	ABSTRAK	v
	ABSTRACT	vi
	KANDUNGAN	vii
	SENARAI JADUAL	xiv
	SENARAI RAJAH	xvi
	SENARAI SINGKATAN	xvii
BAB 1	PENDAHULUAN	
	1.1 Pengenalan	1
	1.2 Latar Belakang Masalah	5
	1.3 Pernyataan Masalah	13
	1.4 Objektif Kajian	14
	1.5 Persoalan Kajian	14
	1.6 Kepentingan Kajian	14

1.7	Batasan Kajian	15
1.8	Definisi Operasional	15
1.8.1	Ponteng	15
1.8.2	Kelas	17
1.8.3	Rakan Sebaya	17
1.8.4	Sekolah	17
1.8.5	Keluarga	18
1.9	Kesimpulan	19

BAB 2 SOROTAN KAJIAN

2.1	Pengenalan	20
2.2	Ponteng	20
2.3	Faktor - Faktor Yang Menyebabkan Pelajar Ponteng	23
2.3.1	Sikap Pelajar	23
2.3.2	Sekolah	26
2.3.3	Guru	31
2.3.4	Rakan Sebaya	36
2.3.5	Keluarga	41
2.4	Pencapaian Akademik	49
2.5	Teori-teori Berkaitan Dengan Ponteng	52
2.5.1	Teori Hirarki Keperluan Maslow	53
2.5.1.1	Keperluan Fisiologi	55
2.5.1.2	Keperluan Keselamatan	55
2.5.1.3	Keperluan Penghargaan Kasih Sayang	56
2.5.1.4	Keperluan Penghargaan Kendiri	56

2.5.1.5	Keperluan Penyempurnaan Kendiri	56
2.5.1.6	Keperluan Mengetahui	57
2.5.1.7	Keperluan Estetik	57
2.5.2	Teori Sosial Oleh Bandura	57
2.5.3	Teori Kognitif	59
2.5.3.1	Peringkat Dalam Teori Tugas Perkembangan Robert Havighurst	59
2.5.3.1.1	Peringkat Bayi, Awal Kanak- kanak (0-2 Tahun)	60
2.5.3.1.2	Perkembangan kanak-kanak / Toddler (2-3 Tahun)	60
2.5.3.1.3	Peringkat Pra Sekolah (4-6 Tahun)	60
2.5.3.1.4	Peringkat Sekolah Rendah (6-12 Tahun)	61
2.5.3.1.5	Awal Remaja (12-18 Tahun)	61
2.5.3.1.6	Akhir Remaja (18-22 Tahun)	61
2.5.3.1.7	Awal Dewasa (22-34 Tahun)	61
2.5.3.1.8	Pertengahan Dewasa (34-60 Tahun)	62
2.5.3.1.9	Akhir Dewasa (60-70 Tahun)	62
2.5.3.1.10	Tua (75 Tahun – meninggal dunia)	62
2.5.4	Penggunaan Teori Pembelajaran Sosial Bandura	62
2.5.5	Kerangka Model Kajian	66
2.6	Aplikasi Teori Sosial Oleh Bandura	66

2.7	Sorotan Dalam Negara(Ponteng)	69
2.8	Sorotan Luar Negara	70
2.9	Kesimpulan	73
BAB 3	METODOLOGI KAJIAN	
3.1	Pengenalan	74
3.2	Reka Bentuk Kajian	74
3.3	Persampelan Kajian	75
3.4	Kajian Rintis	75
3.5	Pengumpulan Data	75
3.6	Analisis Data	76
3.7	Instrumen Kajian	76
3.8	Prosedur Kajian	77
BAB 4	DAPATAN KAJIAN	
4.1	Pengenalan	79
4.2	Latar belakang Responden	79
4.2.1	Huraian Latar Belakang Responden	80
4.3	Dapatan Daripada Hasil Temu bual	87
4.3.1	Pengaruh Rakan Sebaya Terhadap Tingkah Laku Ponteng Kelas Pelajar Di Sekolah Menengah Kebangsaan Kangkar Pulai	87
4.3.1.1	Ketenangan Diri Pelajar Apabila Bersama Dengan Kawan-kawan	87
4.3.1.2	Ketika Bersama Dengan Kawan- kawan,Pelajar-pelajar Bebas Dan	

	Boleh Melakukan Apa Sahaja	88
4.3.1.3	Tingkah Laku Pelajar Yang Suka Bising Mempengaruhi Pelajar	89
4.3.1.4	Rakan-rakan Lebih Memahami Diri Dan Menyelesaikan Masalah Peribadi	90
4.3.1.5	Pelajar Dipinggirkan Oleh Rakan- rakan Jika Tidak Mengikut Kehendak Mereka.	91
4.3.1.6	Ajakan Kawan Memberi Kesan Terhadap Diri Pelajar	92
4.3.2	Pengaruh Persekitaran Sekolah Terhadap Tingkah Laku Ponteng Kelas Di Sekolah Menengah	93
4.3.2.1	Suasana Di Kelas Tidak Menarik	93
4.3.2.2	Guru Kurang Bersedia Semasa Menjalankan Pengajaran Di Dalam Kelas	94
4.3.2.3	Guru Kurang Mengambil Berat Tentang Diri Pelajar	95
4.3.2.4	Sikap Guru Pilih Kasih Terhadap Pelajar	97
4.3.2.5	Sikap Guru Suka Menengking Di Dalam Kelas	98
4.3.2.6	Guru Mengenakan Hukuman Berat Terhadap Pelajar-pelajar Untuk Kesalahan Ringan	99

4.3.2.7	Sesetengah Guru Yang Mengajar Sering Lewat Masuk Ke Kelas	100
4.3.2.8	Pelajar-pelajar Lebih Suka Ponteng Kelas Pada Waktu Mata Pelajaran Yang Tidak Diminati	101
4.3.2.9	Guru Tidak Bersungguh-sungguh Semasa Menyampaikan Pengajarannya	102
4.3.2.10	Guru Mata Pelajaran Kurang Memberi Ganjaran Atau Pujian Terhadap Respon Pelajar	103
4.3.3	Pengaruh Persekitaran Rumah Terhadap Tingkah Laku Ponteng Kelas Di Sekolah Menengah	105
4.3.3.1	Ibu Bapa Kurang Meluangkan Masa Bersama Anak-anak Dalam Pelajaran	105
4.3.3.2	Ibu Bapa Kurang Menyediakan Segala Keperluan Dan Kemudahan Supaya Hidup Anak Lebih Selesa	106
4.3.3.3	Ibu Bapa Kurang Mengambil Berat Tentang Masalah Anak-anak Di Sekolah	107
4.3.3.4	Ibu Bapa Selalu Bergaduh Di Rumah Yang Memberi Kesan Ke Atas Anak	109

4.3.3.5	Kesibukkan Ibu Bapa Mengabaikan Perasaan Anak-anak Sehingga Menjejaskan Pelajaran Mereka	110
4.3.3.6	Ponteng Kelas Memberi Kesan Ke Atas Pelajaran Dan Masa Hadapan Pelajar	111
4.4	Penutup	113

BAB 5 RUMUSAN PERBINCANGAN DAN CADANGAN

5.1	Pengenalan	115
5.2	Rumusan	115
5.2.1	Pengaruh Rakan Sebaya Terhadap Tingkah Laku Ponteng Kelas Pelajar Di Sekolah Menengah Kebangsaan Kangkar Pulai	116
5.2.2	Pengaruh Persekitaran Sekolah Terhadap Tingkah Laku Ponteng Kelas Di Sekolah Menengah	117
5.2.3	Pengaruh Persekitaran Rumah Terhadap Tingkah Laku Ponteng Kelas Di Sekolah Menengah	119
5.3	Perbincangan Hasil Dapatan Penyelidik Dengan Kajian Lepas	121
5.4	Cadangan	125

5.5	Cadangan-cadangan Kajian Lanjutan	127
5.6	Kesimpulan	128
BIBLIOGRAFI		129
LAMPIRAN		141

SENARAI JADUAL

NO. JADUAL	TAJUK	MUKA SURAT
1.1	Jumlah Dan Jenis Ke Ponteng Di Daerah Johor Bahru Januari-April 1998 5	10
4.1	Taburan Bilangan Dan Peratusan Responden Sekolah	80
4.2	Taburan Bilangan Responden Pelajar Mengikut Keputusan Gred Keseluruhan Mata Pelajaran PMR 2011 Menengah Mengikut Kaum	80
4.3	Taburan Bilangan Dan Peratusan Responden Murid Mengikut Mata Pelajaran Elektif	81
4.4	Taburan Bilangan Responden Pelajar Mengikut Keputusan Gred Ujian Bulanan 1 Keseluruhan Mata Pelajaran Tingkatan Empat 2012	82
4.5	Taburan Bilangan Responden dan Kekeperan Ponteng kelas Mengikut Bulan Januari hingga April Tahun 2012	83
4.6	Taburan Bilangan Responden Mengikut Mata Terkumpul Bagi Ponteng Kelas, Salahlaku Lain	

	Dan Kategori Amaran SMK Kangkar Pulai Tahun 2012	84
4.7	Taburan Bilangan Dan Peratusan Ibu Bapa Responden Mengikut Tahap Pendidikan	85
4.8	Taburan Bilangan Dan Peratusan Ibu Bapa Responden Mengikut Pendapatan Sebulan	85
4.9	Kod Yang Digunakan Untuk Responden Temu Bual	86

SENARAI RAJAH

NO. RAJAH	TAJUK	HALAMAN
1.0	Keperluan Mengikut Hirarki Maslow	53
2.0	Konsep Determinisme Timbal Balik Dalam Teori Pembelajaran Sosial Oleh Bandura	63
3.0	Model Kajian Berdasarkan Teori Pembelajaran Sosial Bandura	66

SENARAI SINGKATAN

KPM	-	Kementerian Pelajaran Malaysia
JPN	-	Jabatan Pelajaran Negeri
PPD	-	Pejabat Pendidikan Daerah
SMK	-	Sekolah Menengah Kebangsaan
PMR	-	Penilaian Menengah Rendah
SRP	-	Sijil Rendah Pelajaran

BAB 1

PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan

Proses pengajaran dan pembelajaran dalam bilik darjah yang melibatkan guru dan pelajar, sememangnya memerlukan suatu usaha berterusan ke arah menyediakan pendidikan komprehensif dan efektif. Di sini guru memainkan peranan yang sangat penting. Guru berfungsi sebagai sumber penyaluran ilmu pengetahuan kemahiran secara berkesan kerana keadaan ini berupaya merangsang pembelajaran. Justeru sebagai pengajar, guru haruslah meningkatkan dirinya dengan pengetahuan terkini dan sentiasa mencuba kaedah terbaru yang sesuai dengan pelajarinya.

Pengajaran merupakan satu sistem aktiviti yang secara khusus disampaikan kepada pelajar dengan tujuan untuk membawa perubahan tingkah laku dalam kalangan mereka. Sistem aktiviti ini sebenarnya dirancang dan diolah oleh guru untuk menyampaikan pemahaman tentang maklumat atau pengetahuan tertentu kepada para pelajar dalam suasana yang dinamakan bilik darjah (Kamaruddin & Siti Hajar, 2004). Finch dan Crunkilton (1979) mentakrifkan pengajaran sebagai interaksi yang dirancang antara guru dengan pelajar untuk menghasilkan pembelajaran yang diinginkan. Menurut, Clark & Starv (1986) dalam Khalid et al. (2004) pengajaran ialah percubaan untuk membantu pelajar dalam memperoleh atau mengubah sesetengah kemahiran, pengetahuan, keunggulan, kelakuan atau penghargaan (Kenneth, 2001).

Secara keseluruhannya kita dapat katakan bahawa proses pengajaran ini meliputi aktiviti-aktiviti seperti memberi penerangan, perbincangan, penyelesaian masalah, memainkan peranan-peranan tertentu ataupun aktiviti-aktiviti lain yang melibatkan pelajar secara maksimum (Zaidatol dan Habibah, 2000).

Kenneth (2001) menyatakan bahawa guru juga memainkan peranan utama sebagai pakar instruksional. Sebagai pakar instruksional, guru perlu membuat keputusan berhubung apa yang hendak diajar, apa bahan yang diperlukan, kaedah terbaru yang dipilih dalam pengajaran dan bagaimana menilai pembelajaran.

Guru pula sebagai pengurus iaitu mengarah dan menyusun persekitaran pengajaran. Guru perlu mengurus persekitaran bilik darjah. Guru mengurus persekitaran mengikut susunan yang sesuai dengan ruang bilik darjah bagi memahami matlamat yang diinginkan untuk memaksimumkan pembelajaran.

Menurut Briggs dan Sommerfeldt (2002) proses pengajaran melibatkan empat fungsi penting iaitu perancangan, pelaksanaan, penilaian dan pengawalan:

- i. Perancangan ialah kurikulum, program pengajaran ataupun apa-apa projek yang boleh menyokong proses pembelajaran
- ii. Pelaksanaan ialah pembelajaran pelajar.
- iii. Penilaian ialah keberkesanan proses pengajaran dan pembelajaran daripada kriteria yang dirancang.
- iv. Pengawalan pula pengumpulan data daripada kriteria yang dirancang yang digunakan dalam proses penilaian seperti maklum balas.

Manakala dalam proses pembelajaran, pelajar memainkan peranan penting iaitu dengan menekankan lebih banyak peranan dan penglibatan pelajar dalam sesuatu proses pengajaran dan pembelajaran. Berdasarkan strategi berpusatkan pelajar, pelajar digalakkan melibatkan diri secara aktif dalam aktiviti pembelajaran mereka. Di dalam bilik darjah, guru merupakan seorang pemimpin yang akan menunjukkan arah kepada pelajar untuk menjalankan aktiviti pembelajaran, sama ada secara kumpulan ataupun secara individu.

Pembelajaran merupakan satu proses yang boleh digunakan untuk menggalakkan proses peningkatan ilmu. Gagne (1970) dalam Khalid et al. (2005), dalam bukunya *'The Condition of Learning'* mendefinisikan pembelajaran sebagai perubahan tingkah laku ataupun kebolehan seseorang dapat dikekalkan, tidak termasuk perubahan yang disebabkan oleh proses pertumbuhan. Hal ini dipersetujui oleh Mok Soon Sang (2002). Menurut beliau juga pembelajaran itu sebagai apa-apa sahaja tingkah laku yang kekal akibat pengalaman yang telah diperolehi atau latihan yang telah dijalani. Secara ringkasnya, pembelajaran dapat diertikan seperti berikut:

- i. Pembelajaran adalah satu proses yang menyebabkan satu perubahan tingkah laku terhadap manusia.
- ii. Perubahan tingkah laku yang dialami itu biasanya kekal dan stabil.
- iii. Semua perubahan tingkah laku dihasilkan daripada pengalaman yang diperolehi dan latihan yang telah diikuti dan bukan daripada sumbangan faktor-faktor lain.
- iv. Perubahan tingkah laku itu biasanya berlaku dalam satu jangka masa tertentu dan tidak diperolehi secara serta-merta.

Oleh itu, guru perlu berkebolehan menilai kebolehan dan perkembangan pelajar. Dalam hal ini, guru perlu berupaya menentukan kaedah-kaedah serta strategi-strategi yang berkesan bagi memandu pelajar-pelajar yang berbeza daripada segi kebolehan dan minat. Tugas utama seseorang guru adalah memahami peranannya dalam proses pengajaran serta mempunyai banyak pengetahuan. Menurut Logan & Logan (1974) dalam Khalid et al. (2005) guru perlu mempunyai banyak pengetahuan terutama daripada segi latar belakang pelajar serta berkenaan pelajaran yang akan diajar.

Menurut Ibit (2001) dalam Khalid et al. (2004) dalam aspek disiplin, guru perlu ada kemahiran mengetahui jenis kesalahan yang dilakukan oleh pelajar, baharulah kaedah-kaedah penyelesaian dipilih mengikut kesesuaian jenis kesalahan yang dilakukan. S. Sigamaoney (1984) menyatakan bahawa soal mengurus disiplin bukanlah tugas Guru Besar, Penolong Kanan, Penyelia Petang dan Guru Disiplin.

Walaupun mereka adalah '*Guardian of Discipline*' di sekolah, peranan guru-guru dalam disiplin adalah lebih penting daripada pihak pentadbiran kerana merekalah yang akan berada di dalam kelas dan di padang permainan dalam kadar masa yang panjang dengan pelajar-pelajar. Perhubungan serta kemahiran interaksi guru dengan pelajar adalah secara terus menerus. Tugas memelihara disiplin sekolah adalah tugas utama semua guru di sesebuah sekolah dan bukan tugas utama pihak pentadbiran dan guru disiplin sahaja.

Kemahiran mengurus disiplin yang berkesan dan cekap membolehkan proses pengajaran dijalankan secara licin dan teratur. Suasana pengajaran dan pembelajaran menjadi tenang dan pelajar memahami kandungan pengajaran dengan lebih sempurna. Selain itu, jika pelajar mengikuti peraturan-peraturan yang ditetapkan oleh sekolah, keselamatan mereka akan terjamin. Melalui kemahiran mengurus disiplin yang baik, nilai moral pelajar dapat dibentuk dan dipupuk ke tahap yang memuaskan dan suasana bilik darjah menjadi lebih kondusif untuk proses pengajaran dan pembelajaran berjalan dengan lancar (Mohd. Ismail Othman, 2004).

Menurut Abd. Rahim Abdul Rashid (1999) seorang guru perlu mempunyai latihan dan pengetahuan, khususnya dalam bidang yang berkaitan dengan pengajaran dan pembelajaran. Pengetahuan guru dari perspektif pengajaran dan pembelajaran akan membolehkan seseorang guru memainkan peranannya dengan lebih efektif dan mampu menangani pelbagai masalah yang dihadapi.

Menurut Kothler dan Kothler, pula hampir kesemua guru memerlukan kemahiran asas untuk menentukan peranan kauselor dalam bilik darjah (Kenneth, 2001). Kemahiran kaunseling diperlukan untuk pembangunan peringkat tertinggi antara hubungan sensitiviti dan penyelesaian efektif dengan masalah harian. Walaupun guru tidak dilatih menjadi kaunselor ataupun pakar psikologi, guru perlu bersedia memberi tindak balas yang membina apabila masalah tingkah laku terdapat dalam pembelajaran dan pembangunan pelajar.

Ibu bapa pula menghantar anak-anak mereka ke sekolah dengan harapan untuk mendapatkan seberapa banyak ilmu yang ada. Melalui proses pengajaran dan pembelajaran, tingkah laku anak-anak mereka dapat diubah dan dibentuk dalam diri pelajar. Tingkah laku dan akhlak yang baik sangat diharapkan oleh ibu bapa dan juga seluruh masyarakat terhadap pelajar sekarang. Namun, harapan ini tidak mungkin akan kesampaian jika para pelajar terjebak dalam gejala ponteng.

1.2 Latar Belakang Masalah

Pengajaran dan pembelajaran di sekolah memainkan peranan penting dalam membentuk sahsiah dan tingkah laku yang baik dalam kalangan pelajar di sekolah. Namun, pada masa sekarang pengajaran dan pembelajaran di sekolah tidak mengikut matlamat falsafah pendidikan sebenar. Hal ini demikian disebabkan oleh pengajaran dan pembelajaran yang tidak menarik, tidak ada perancangan awal, kemahiran mengajar pada tahap minima, arahan guru yang kurang berkesan, kemahiran berkomunikasi yang tidak berkesan dan tidak ada kemahiran mengawal pelajar yang mengakibatkan masalah disiplin yang serius dalam kalangan pelajar sekolah.

Pengajaran dan pembelajaran yang tidak mencapai matlamat falsafah pendidikan, telah memberi kesan yang negatif terhadap pencapaian dan masa depan pelajar itu sendiri apabila mereka terlibat dengan masalah disiplin di dalam dan di luar sekolah. Pelajar tidak memanfaatkan masa yang ada dengan sebaik mungkin untuk mengulang kaji pelajaran demi masa depan tetapi terjebak dengan gejala sosial yang semakin meruncing. Hal ini mengakibatkan mereka tidak akan berjaya pada masa hadapan. Pemilihan kerjaya yang baik juga sukar dilakukan kerana mereka tiada kelulusan yang setaraf dengan kerja yang dipohon. Justeru, sudah pasti kehidupan yang baik dan selesa tidak dapat dikecapi oleh pelajar pada masa hadapan.

Dalam sesebuah institusi persekolahan, disiplin memainkan peranan penting ke arah pembentukan sahsiah atau personaliti pelajar. Hal ini sejajar dengan sistem

pendidikan yang semakin mencabar dalam menghadapi era millennium. Namun, masalah pelanggaran disiplin di sekolah merupakan isu yang hangat dibincangkan oleh setiap lapisan masyarakat.

Masalah disiplin pelajar merujuk kepada perbuatan salah laku yang melanggar peraturan yang telah ditetapkan oleh pihak sekolah. Kemerosotan disiplin pelajar juga dikenal pasti sebagai salah laku yang bertentangan dengan apa-apa yang ditetapkan sama ada di dalam bilik darjah, di kawasan sekolah atau merujuk kepada perhubungan pelajar dengan pelajar dan pelajar dengan guru.

Kegiatan yang berunsur ganas yang kerap berlaku di sekolah adalah seperti mencuri, bergaduh, peras ugut, malah percubaan merogol. Sekolah-sekolah di dalam bandar terutamanya di Kuala Lumpur dan Petaling Jaya mencatatkan rekod gangsterisme yang lebih tinggi berbanding sekolah-sekolah di kawasan luar bandar Abd Jalil (2000 dalam Vinothini 2008).

Menurut Noh Omar, tahun lalu, 1.74 peratus daripada 5.5 juta pelajar sekolah di negara ini terbabit dengan masalah disiplin, berbanding 2.07 peratus pada 2004 dan 2.11 peratus pada 2003. Beliau berkata, 90 daripada 27,412 pelajar yang menjalani ujian air kencing tahun lalu didapati positif dadah dengan kebanyakan mereka mengambil ganja. Pada 2004, 187 daripada 23,219 pelajar menjalani ujian sama disahkan positif dadah. Dari segi jenayah, Noh berkata, 0.23 peratus daripada 5.5 juta pelajar- pelajar terbabit dalam jenayah tahun lalu berbanding 0.31 peratus pada 2004. Kementerian memandang serius perkara ini. (Berita Harian, 15 April 2006).

Satu kes dilaporkan di dalam akhbar Harian Metro (19 Julai 2007) beberapa remaja berumur bawah 15 tahun sanggup 'mengikat perut' dengan berjimat duit belanja sekolah, semata-mata untuk berkongsi wang bersama rakan bagi melanggan pelacur. Adakah anda percaya dengan artikel ini, tetapi itulah hakikat pelajar sekolah menengah zaman sekarang. Perlakuan yang tidak pernah terfikir oleh orang dewasa untuk melakukannya. Mereka hanyalah pelajar berumur bawah 15 tahun yang tidak

mampu untuk mengawal diri dalam menghadapi pengaruh rakan sebaya yang lebih tua daripada mereka.

Kegiatan ini terbongkar setelah seorang pelajar tingkatan tiga dikenali sebagai Ahmad Firdaus, 15 tahun yang mengaku mula terjebak dengan kegiatan itu ketika berumur 14 tahun selepas terpengaruh dengan pujukan rakan yang lebih tua. Dia berkata, pada mulanya dia mengikuti rakan yang dipanggil 'abang' berumur 20-an mengunjungi kawasan pelacuran sekadar mahu 'mencuci mata'. Apabila sampai di Lorong Haji Taib mereka bukan sekadar melihat malah mereka melanggan pelacur dengan harga RM100. Aktiviti ini telah menyebabkan mereka ketagih sehingga sanggup berlapar semata-mata untuk mengumpul duit daripada belanja harian untuk melanggan pelacur. Malah, pelajar ini berani melanggan pelacur pada siang hari.

Menurut analisa Unit Disiplin, Bahagian Sekolah Kementerian Pendidikan Malaysia (1999) mendapati bahawa sebahagian besar salah laku yang telah dilakukan oleh pelajar adalah kesalahan jenis kecil iaitu ponteng sekolah (0.67%), ponteng kelas (0.48%), lewat datang sekolah (0.38%), pakaian sekolah tidak mengikut peraturan (0.20%), mengganggu pengajaran (0.15%) dan berambut panjang (0.13%). Berdasarkan data ini, masalah ponteng tetap memberi peratusan yang tinggi berbanding salah laku lain.

Ponteng adalah satu masalah disiplin yang semakin meruncing di sekolah. Ramai dalam kalangan pelajar-pelajar sekolah rendah mahupun menengah sudah berjinak-jinak dengan aktiviti ponteng sekolah dan ponteng kelas. Ponteng juga sering dikaitkan dengan isu yang menampilkan pelajar yang tidak berdisiplin dan bermoral rendah. Ponteng sekolah adalah sejenis penyakit lama yang telah berakar umbi sejak masyarakat kita mengenal alam persekolahan.

Ponteng boleh ditakrifkan sebagai tidak menghadirkan diri ke sekolah tanpa sebab yang munasabah sama ada di luar atau dalam pengetahuan ibu bapa. Dalam erti kata yang lain, ponteng ini dilakukan dengan sengaja tidak hadir ke sekolah

tanpa ada alasan yang munasabah. Pelajar yang terlibat dalam gejala ini sering dikaitkan dengan sikap tidak berdisiplin dan mempunyai moral yang rendah.

Menurut Azizi et al. (2007) ponteng terdiri daripada empat jenis. Jenis yang pertama ialah ponteng sekolah, di mana pelajar yang melakukan masalah ponteng sekolah ini biasanya akan keluar dari rumah dengan memakai pakaian seragam sekolah tetapi mereka tidak sampai ke sekolah. Malahan, terdapat sesetengah daripada mereka yang akan berkeliaran dan melepak di pusat beli belah, kedai siber dan di rumah-rumah kosong yang agak terpencil.

Jenis ponteng yang seterusnya ialah ponteng kelas. Dalam kes ini, pelajar akan pergi ke sekolah tetapi pada masa pengajaran dan pembelajaran sesuatu subjek, pelajar tersebut akan keluar dari kelas dan menghilangkan diri. Ponteng hati juga merupakan salah satu tingkat dalam gejala ponteng. Pelajar yang terlibat dengan ponteng sebegini akan berada dalam bilik darjah tetapi hati dan fikiran mereka tidak berada dalam bilik darjah. Mereka hanya menunggu loceng waktu terakhir berbunyi bagi membolehkan mereka pulang. Jenis ponteng yang terakhir ialah ponteng kerana bangun lewat. Pelajar yang bangun lewat berasa malas untuk ke sekolah walaupun mereka masih mempunyai masa untuk bersiap-siap ke sekolah. Oleh itu, pelajar tersebut akan ponteng sekolah dengan memberi alasan terlewat bangun.

Kes ponteng adalah disebabkan oleh beberapa faktor antaranya ialah suasana persekitaran sekolah yang berubah secara mendadak akibat daripada proses pembandaran. Pembinaan pusat membeli belah dan pusat-pusat hiburan yang terlalu hampir dengan sekolah akan menjadi faktor penarik kepada gejala ponteng sekolah.

Manakala, suasana persekitaran dalam sekolah seperti stail kepimpinan pengetua, pendekatan warga guru dan persekitaran sekolah yang tidak kondusif menjadi faktor penolak kejadian ponteng dalam kalangan pelajar (Tan, 2006). Maka jelaslah faktor ini mengakibatkan masalah ponteng dalam kalangan pelajar di sekolah.

Pengaruh media elektronik yang saban hari memaparkan aksi ganas dan cara hidup bebas remaja yang keterlaluan banyak mempengaruhi pemikiran golongan muda. Fenomena ini menjadi pemangkin kepada peningkatan gejala sosial terutamanya masalah ponteng. Manakala, kurangnya didikan agama dan kasih sayang daripada ibu bapa, perasaan ingin tahu serta desakan atau pengaruh daripada rakan sebaya boleh menjadi penyebab terjadinya masalah ponteng yang kian sukar dibendung.

Menurut Mustaza (1994) dan Hamidah (1999) dalam Ropiah (2005) pula, kajiannya telah meneliti beberapa faktor yang mendorong kepada salah laku ponteng iaitu faktor individu dan keluarga, faktor persekolahan dan faktor persekitaran sekolah. Manson dan Edie (1998 dalam How 2007) menyatakan bahawa sikap guru adalah salah satu faktor yang menyumbang kepada masalah ponteng sekolah dalam kalangan pelajar. Jika masalah ini tidak dibendung dengan kaedah yang betul dan konsisten, ini akan memberikan kesan buruk kepada sistem pendidikan negara kita.

Menurut Mahadzir Mohd Khir, pelajar tingkatan dua dan tiga dikenal pasti sebagai kumpulan yang paling ramai terlibat dalam gejala ponteng pada tahun 2000 (Utusan Malaysia, 2.4.2001). Bilangan yang terlibat dalam gejala itu merangkumi 34,628 pelajar daripada keseluruhan lima juta pelajar di negara ini termasuk sekolah rendah dan menengah. Daripada jumlah itu, 90 peratus ialah pelajar lelaki yang menghabiskan masa di tempat-tempat hiburan.

Menurut Mohamed Yunus (1994) kebanyakan daripada pelajar yang ponteng adalah terdiri daripada mereka yang berumur tiga belas hingga lima belas tahun. Pada peringkat umur lima belas tahun para pelajar seharusnya lebih menumpukan masa untuk membuat persiapan bagi menghadapi Peperiksaan Penilaian Menengah Rendah (PMR). Namun demikian, mereka melakukan perkara sebaliknya dengan melakukan aktiviti yang tidak berfaedah seperti ponteng sekolah. Berdasarkan data Jabatan Pendidikan Daerah Johor Bahru dari bulan Januari 1998 hingga April 1998, sebilangan besar pelajar yang ponteng terdiri daripada pelajar lelaki yang berketurunan Melayu.

Jadual 1.1: Jumlah Dan Jenis Kes Ponteng Di Daerah Johor Bahru Jan-April 1998.

Jenis Ponteng	Jumlah Kes
Ponteng kelas	117
Ponteng sekolah	446
Ponteng perhimpunan	47
Ponteng ko-kurikulum	7
Jumlah salah laku	617

(Sumber: Unit Hal Ehwal Murid Pejabat Daerah Johor Bahru)

Daripada 1844 kes pelanggaran disiplin dilaporkan oleh Pejabat Pendidikan Daerah (PPD) Johor Bahru, terdapat 617 kes ponteng yang membawa peratusan sebanyak 32.75% daripada kes-kes salah laku yang dilaporkan. Dalam masa hanya empat bulan sahaja, kes ponteng ini sudah menghampiri 40%. Hal ini jelas menunjukkan gejala ponteng ialah gejala yang semakin serius. Berdasarkan analisis salah laku disiplin di sekolah tahun 1999 menunjukkan bahawa kes ponteng mencatat peratus kes sebanyak 38.65 % daripada 98,449 kes dalam 9 jenis salah laku. Ini menunjukkan bahawa kes ponteng ini berlaku di semua sekolah dan menjadi peratus tertinggi dari kes salah laku yang lain. Perangkaan pada tahun 1994 menunjukkan terdapat 5,636 kes ponteng di sekolah menengah (Utusan Malaysia, 1994). Angka ini semakin meningkat kepada 38,053 kes. (Berita Harian, 18 Ogos 2000).

Menurut setiausaha parlimen kementerian pendidikan, Dato' Mahadzir Mohd.Khir (2004) masalah ponteng lebih ketara berlaku dalam kalangan pelajar peringkat menengah terutama mereka yang bersekolah di kawasan bandar dan sekolah di pinggir bandar. Sesungguhnya, gejala ponteng sekolah ialah masalah serius yang perlu diberi perhatian dengan mengambil pendekatan bersepadu mengesan punca pelajar terlibat dengan gejala tersebut dan kaedah yang berkesan untuk menanganinya.

Menurut Rozumah Baharudin (2003) perpindahan pelajar dari satu kelas ke satu kelas lain menyebabkan ada antara mereka yang mengambil kesempatan untuk tidak masuk ke kelas dan ini menimbulkan keseronokan kepada pelajar dan akhirnya mereka akan memberanikan diri untuk terlibat dengan gejala ponteng sekolah yang sebenar.

Menurut Marzita Abdullah(2004) sepanjang tahun 2002 sehingga 2004 sebanyak 5,807 pelajar diperiksa dalam operasi ponteng sekolah (Ops Sayang) yang dijalankan oleh polis di seluruh negara. Sebanyak 4,097 orang (71 peratus) pelajar lelaki dan 1,710 pelajar perempuan terlibat dalam pemeriksaan sepanjang operasi berkenaan. Bagaimanapun, daripada statistik tersebut, jumlah pelajar perempuan yang diperiksa semasa operasi itu adalah melebihi pelajar lelaki di Pulau Pinang.

Masalah ponteng sekolah semakin menjadi perhatian umum apabila baru-baru ini, akhbar Berita Harian bertarikh 15 Oktober 2004 melaporkan 50% daripada pelajar di sebuah sekolah menengah di Felda, Setiu Terengganu, mencatatkan hanya 50% pelajar sahaja yang hadir ke sekolah terutamanya pada hari Ahad dan Khamis.

Masalah ponteng bukan sahaja dihadapi oleh sekolah-sekolah di Malaysia, malah ini juga dihadapi oleh sekolah-sekolah di negara lain. Satu kajian yang dilakukan oleh Jabatan Pengajaran Awam Wisconsin, Amerika Syarikat 2002 mendapati semasa sesi persekolahan 1999-2000, seramai 45,936 (5.5%) daripada seramai 826,848 pelajar gred K-12 terlibat dengan ponteng sekolah. Bagi sesi persekolahan 2000-2001 pula seramai 57,553 (6.7%) daripada 851,914 pelajar gred K-12 terlibat dengan ponteng sekolah. Ini menunjukkan bahawa terdapat peningkatan peratus ponteng pelajar-pelajar gred K-12 bagi ketiga-tiga sesi persekolahan di Wisconsin, Amerika Syarikat.

Sebagai langkah pencegahan awal, Dato' Hishammudin Tun Hussin selaku Menteri Pelajaran Malaysia (2004) meminta pihak polis membuat rondaan bagi membantu membanteras salah laku ponteng dalam kalangan pelajar terutamanya mereka yang ponteng dan melepak di kafe siber dan pusat beli belah.

Ponteng kelas ialah masalah disiplin yang dianggap sebagai suatu penyakit yang berjangkit. Ponteng kelas atau tuang kelas adalah tindakan seseorang pelajar yang tidak mengikuti sesuatu pelajaran pada waktu yang sepatutnya pelajar itu wajib mengikutinya di dalam bilik darjah. Lumrahnya, masalah ini berlaku apabila pengajaran guru tidak menarik. Masalah ponteng kelas boleh menyebabkan pelajar-pelajar ketinggalan dalam pelajaran (Ismail Yusoff, 1992:3). Jelas di sini, gejala ponteng dalam kalangan pelajar sekolah bertambah dengan mendadak. Masalah ini juga membawa kepada tingkah laku kurang bermoral dalam kalangan pelajar di sekolah menengah.

Tanggal 28 Julai 2005 yang lalu, Muhamad Nooraidil seorang pelajar tingkatan tiga yang dianggap mulut celupar oleh pelajar senior telah dibelasah di tepi bilik darjahnya, di salah sebuah sekolah menengah di Senai. Beliau dimasukkan ke Hospital Kulai selepas penganan akibat ditumbuk, dipijak dan ditendang oleh lima pelajar senior. Difahamkan bahawa mangsa mengalami kecederaan yang serius dalam badan menyebabkan pelajar terbabit tidak dapat berdiri (Harian Metro, 30 Julai 2005). Keadaan ini berlakukerana pelajar-pelajar berkenaan tidak ada kesedaran terhadap pegangan agama dan nilai-nilai moral yang di ajar di sekolah.

Gejala ponteng sebenarnya tidak pernah menjanjikan kebaikan dan keseronokan kepada pelajar. Malah, mendatangkan keburukan pada diri pelajar itu sendiri. Kesan yang dihadapi jika pelajar ponteng sekolah ialah akan membazirkan masa dan tenaga mereka sahaja tanpa mendapat apa-apa pulangan seperti pencapaian yang cemerlang dalam peperiksaan. Selain itu, masyarakat akan memandang rendah kepada mereka kerana tidak mempunyai pelajaran dan mempunyai sahsiah diri yang rendah.

Tambahan pula, kesan lain yang akan dihadapi adalah pelajar tersebut ialah mereka akan ditertawakan oleh rakan-rakan lain sekiranya mereka gagal dalam hidup pada masa hadapan. Masyarakat akan hilang kepercayaan terhadap diri pelajar ini sekali gus mereka akan kekurangan bakal peneraju yang berwawasan. Walaupun sudah dinyatakan kesan serta akibat daripada gejala ponteng sekolah namun risiko

yang perlu ditanggung oleh para pelajar disebabkan gejala sosial ponteng sekolah lebih ditekankan kepada peratus kedatangan pelajar.

Selain melihat kesan gejala ponteng sekolah terhadap para pelajar sendiri namun perlu juga dititikberatkan berkaitan implikasi gejala ponteng sekolah kepada pihak sekolah terutamanya guru-guru. Mereka berasa rugi kerana tidak dapat memberi ilmu setaraf dengan pelajar lainnya berbanding dengan pelajar yang kerap ponteng sekolah dan akibatnya memberi kesan kemerosotan terhadap corak pengajaran dan pembelajaran di sekolah. Ini dapat mengganggu proses pembelajaran pelajar-pelajar lain dan merumitkan lagi tugas seseorang guru kerana mereka terpaksa mencuri masa untuk mengulang kembali pelajaran yang tertinggal serta tidak difahami oleh pelajar ponteng. Pelajar yang ponteng sering mengganggu kelas dan pelajar lain serta menyumbang kepada kemerosotan pencapaian mata pelajaran berkenaan.

1.3 Penyataan Masalah

Pelajar-pelajar yang terlibat dengan gejala ponteng akan merugikan diri sendiri dan membazirkan wang negara kerana pihak kerajaan terpaksa mengadakan banyak program untuk mengurangkan gejala ponteng sekolah dan perkara-perkara yang membawa kesan negatif terhadap diri sendiri, agama, bangsa dan negara. Dari segi kurikulum sekolah, pelajar yang terlibat dengan ponteng akan ketinggalan dalam pelajaran, atau mempunyai pencapaian yang rendah dan akhirnya menghadapi masalah keciciran (Kementerian Pendidikan Malaysia, Panduan Mengatasi Ponteng 1999).

Berdasarkan statistik dan kenyataan daripada kajian di atas, jelas menunjukkan masalah ponteng dalam kalangan pelajar menimbulkan kerisauan semua pihak. Punca timbulkannya masalah ponteng juga bukan merupakan sesuatu yang baharu. Oleh itu, pengkaji ingin membuat satu kajian secara mendalam terhadap masalah ponteng kelas di SMK Kangkar Pulai berdasarkan kepada faktor-

faktor seperti sikap pelajar, guru, rakan sebaya, ibu bapa dan persekitaran sekolah dengan mendapatkan maklum balas pelajar secara telus. Dengan cara ini, kita dapat mengenal pasti dan merungkai permasalahan yang wujud serta pencapaian dalam setiap peperiksaan dapat ditingkatkan.

1.4 Objektif Kajian

Kajian ini berfokuskan kepada persoalan pengalaman hidup pelajar ponteng kelas berdasarkan beberapa situasi seperti berikut:-

- i. Ketika bersama dengan rakan sebaya.
- ii. Ketika berada di sekolah.
- iii. Ketika berada di rumah.

1.5 Persoalan Kajian

Persoalan kajian dibina untuk memberi fokus bagi mengkaji tentang:

- i. Bagaimanakah rakan sebaya mempengaruhi tingkah laku pelajar ponteng kelas di Sekolah Menengah?
- ii. Bagaimanakah persekitaran sekolah mempengaruhi tingkah laku pelajar ponteng kelas di Sekolah Menengah?
- iii. Bagaimanakah persekitaran rumah mempengaruhi tingkah laku pelajar

1.6 Kepentingan Kajian

Kajian ini dijalankan terhadap masalah ponteng kelas kerana masalah ini merupakan punca kepada masalah disiplin yang lain seperti merokok, bergaduh, berkhalwat, merosakkan harta benda sekolah (vandalisme) dan sebagainya. Melalui kajian ini diharap penambahbaikan dapat dilakukan untuk memberi maklum balas

kepada pihak sekolah, guru-guru dan PIBG untuk menangani masalah ponteng kelas secara positif dan mengatur strategi tertentu yang lebih berkesan dalam memenuhi kehendak dan keperluan semua pelajar.

1.7 Batasan Kajian

Dalam kajian ini, pelajar-pelajar Sekolah Menengah Kebangsaan Kangkar Pulai telah dipilih sebagai responden penyelidikan ini. Penyelidikan ini hanya terbatas kepada pelajar tingkatan empat kerana mereka tidak terlibat dengan peperiksaan awam. Dengan menggunakan kaedah persampelan '*Purposive Sampling*' seramai 7 orang pelajar akan ditemu bual dalam kajian ini. Temu bual bertujuan untuk mendapat tahu pengalaman hidup sebenar mereka terhadap masalah ponteng kelas di SMK Kangkar Pulai.

1.8 Definisi Operasional

1.8.1 Ponteng

Ponteng didefinisikan sebagai lari daripada tanggungjawab atau tugas tanpa kebenaran (Kamus Dewan: 979). Secara umum ponteng sekolah ialah tidak hadir ke sekolah tanpa sebab yang munasabah dan di luar pengetahuan ibu bapa atau penjaga.

Yaakub (1977 dalam How 2007) pula, mentakrifkannya sebagai murid yang tidak hadir ke sekolah atau tidak datang tanpa keizinan guru atau ibu bapa. Ini termasuklah murid-murid yang meninggalkan kelas tanpa izin guru, lari atau keluar dari kawasan sekolah pada waktu yang sepatutnya mereka wajib mengikuti pelajaran mereka di dalam bilik darjah masing-masing.

Mohamed Yunus (1994) mendefinisikan ponteng sebagai tidak datang ke sekolah tanpa apa-apa sebab yang munasabah dari segi sekolah atau 'tuang' dengan tidak diketahui oleh ibu bapa atau guru.

Menurut Ibrahim Saad (1982) ponteng ialah mereka yang sengaja tidak ke sekolah. Mereka keluar dari rumah dengan berpakaian sekolah dan beg berisi buku, sebaliknya pergi ke kebun, memancing ikan, mandi di lombong atau berfoya-foya di panggung wayang dengan kawan-kawan atau melepak di kompleks beli belah.

Ruhati Idayu (1978 dalam Mahazad 2010) mentafsirkan ponteng dari aspek pendidikan dapat difahami sebagai tidak hadir ke sekolah tanpa izin daripada guru. Namun bagi pendapat Quarry (1978 dalam Mahazad 2010) pula berbeza di mana ponteng tidak boleh disamakan dengan tidak hadir ke sekolah. Perlakuan ponteng boleh dikategorikan sebagai satu bentuk kenakalan yang ada hubungannya dengan sosialisasi dan perkembangan dalam kalangan pelajar tertentu. Hal ini wujud daripada keadaan ketegangan dalam diri pelajar. Sementara, masyarakat menganggapnya sebagai perlakuan yang tidak mungkin akan diterima.

Mengikut Unit Disiplin Bahagian Sekolah Kementerian Pendidikan Malaysia (1994) ponteng didefinisikan sebagai tidak hadir ke sekolah tanpa kebenaran daripada pengetua atau guru besar.

Mengikut kamus dewan (2000) ponteng ialah kecoh, tipu daripada tugas atau tanggungjawab. Ponteng juga bermakna tidak datang ke sekolah tanpa apa-apa sebab yang munasabah dengan tidak diketahui oleh ibu bapa dan juga guru.

Ponteng dalam kajian ini bermaksud murid yang sengaja tidak hadir ke kelas, atau tuang kelas atau keluar dari kelas tanpa kebenaran guru sedangkan mereka sepatutnya berada dalam bilik darjah mengikuti pelajaran.

1.8.2 Kelas

Menurut Abdullah Sani (2003) bilik darjah dapat dijadikan sebagai suatu tempat belajar yang menarik, membangunkan minat dan potensi belajar bergantung juga pada keadaan dan iklim bilik darjah yang menunjukkan adanya aspek keceriaan. Dalam kajian ini bilik darjah merupakan tempat berlakunya proses pengajaran dan pembelajaran.

1.8.3 Rakan Sebaya

Rakan sebaya merujuk kepada kanak-kanak atau remaja yang sama umur atau paras kematangan. Rakan sebaya ialah rakan yang setia mendengar, membantu dan sedia bersama kita pada bila-bila masa sahaja tidak kira ketika kita gembira ataupun sedih. Ahli sosiologi mengistilahkan rakan sebaya sebagai kumpulan kanak-kanak ataupun kumpulan remaja yang mempunyai lingkungan umur yang sama (Hazil Abdul Hamid: 1990;89). Remaja memerlukan seorang ataupun dua rakan sebaya bagi menemani mereka sepanjang tempoh perkembangan zaman remaja. Dengan adanya rakan, seseorang itu boleh bertukar-tukar fikiran dan menyelesaikan masalah akademik atau kerja-kerja yang diarahkan oleh guru.

Menurut kamus Dewan (1996) rakan sebaya merupakan sahabat, sama umur atau seumur, handai taulan dan teman sebaya. Bagi kajian ini, rakan sebaya ialah mereka yang berada dalam satu kelas atau satu tingkatan, fikiran dan tingkah laku yang sama.

1.8.4 Sekolah

Mengikut Abdul Rahman Md. Aroff dan Chong Lee Hoon (1994, dalam How 2007)) sekolah sebagai agen sosialisasi yang melaksanakan peraturan yang

preskriptif dan juga berfungsi menyediakan seorang murid supaya dapat memainkan peranan sebagai orang dewasa yang bertanggungjawab.

Mengikut kamus dewan (2000) sekolah ialah tempat untuk belajar dan mengajar, tempat menerima dan memberi pelajaran. Sekolah yang dimaksudkan dalam kajian ini ialah Sekolah Menengah Kebangsaan Kangkar Pulai.

1.8.5 Keluarga

Merujuk kepada Kamus Dewan (1994) keluarga bermaksud seisi rumah tangga yang terdiri daripada suami dan isteri sahaja atau berserta anak-anak. Keluarga menurut takrif antropologi adalah satu unit atau kumpulan yang terdiri daripada ahli-ahli yang mempunyai hubungan kekeluargaan. Freud pula merujuk keluarga sebagai kombinasi ibu dan bapa yang tinggal serumah dengan satu ataupun lebih anak (Fontana, 1981: 29).

Keluarga juga merupakan institusi yang paling hampir dengan seseorang, khususnya kanak-kanak. Melalui keluarga, kanak-kanak dapat menyelesaikan pelbagai masalah yang berlaku dalam kehidupan sehari-hari. Menurut Wan Azmi (1972 dalam Vinothini 2008) keluarga dipandang sebagai satu institusi yang mempunyai tugas yang berbeza lagi berkesan. Keluarga selalunya akan memberi khidmat sebagai satu masyarakat kecil serba lengkap terhadap jiwa yang lahir dan berkembang di dalamnya.

Mahmood (1997) mentakrif keluarga sebagai satu unit sosial yang terdiri daripada bapa, ibu dan anak. Perkara yang paling penting ialah wujudnya satu pertalian atau hubungan hidup tertentu dalam kelompok sosial berkenaan.

Kamus Dewan mendefinisikan ibu bapa sebagai orang tua iaitu emak dan ayah (Kamus Dewan Edisi Ketiga, 2000: 457). Ibu bapa yang dimaksudkan dalam kajian ini ialah ibu bapa yang rapat dengan seseorang pelajar itu.

1.9 Kesimpulan

Masalah ponteng kelas merupakan satu masalah disiplin yang semakin serius dalam kalangan pelajar sekolah menengah. Masalah-masalah disiplin yang lain akan timbul sekiranya masalah ponteng ini tidak dibendung dan dikawal. Hal sedemikian akan berlaku disebabkan pelajar yang ponteng akan menggunakan masa tersebut untuk melibatkan diri dalam perkara-perkara yang tidak bermoral seperti vandalisme, pergaduhan, merokok dan sebagainya. Justeru, dengan adanya kajian ini, masalah ponteng kelas di SMK Kangkar Pulai dapat dikurangkan melalui kerjasama antara pelajar, guru dan ibu bapa.

BIBLIOGRAFI

- Abd. Rahim Abd. Rashid (1999). *Profesionalisme Motivasi Perguruan Bilik Darjah*. Kuala Lumpur: Siri Pengajaran Dan Pendidikan Utusan.
- Abd Malek Harun (2002). “*Satu Kajian Kes Tentang Masalah Perlanggaran Disiplin Di Kalangan Pelajar-Pelajar Sekolah Menengah Teknik Besut*”. Tesis Sarjana Muda: Tidak diterbitkan.
- Abdullah Sani Yahaya, 2003 *Perkembangan Pendidikan Di Malaysia, Siri Buku. Pendidikan khusus keperluan para Pendidik*. Pahang PTS Publications Sdn
- Abdullah Sani Yahaya (2005). “*Mengurus Disiplin Pelajar.*” Pahang Darul Makmur: PTS Publications & Distributor Sdn. Bhd.
- Abu Zahari (1987). “*Memahami Psikologi Pembelajaran*”. Petaling Jaya: Fajar Bakti Sdn. Bhd.
- Ainon Mohd Dan Abdullah Hassan (2000). “*Kursus Berfikir Untuk Kolej Dan Universiti.*” Kuala Lumpur: PTS Publications & Distributors Sdn Bhd.
- Allport, G. W. (1961). *Pattern and Growth in Personality*. New York: Holt, Rinehart Winston Publishers.
- Aminah Bt Hj. Ahmad (2002). *Membugar Sekolah Bermasalah*. Jurnal Pendidikan Persidangan Kebangsaan Pengetua-pengetua Sekolah Menengah Malaysia. (PKPSM). Jun 2002. hlm 33-49.

- Aminuddin Abd Wahid (1993). *Peranan Pendidikan dalam Membentuk Ahli Masyarakat Yang Positif, Patuh, Penyayang, bertanggungjawab*. Seminar Persidangan pada 11- 13 Mei di Kuala Lumpur.
- Anderson, K.A., & Ronald E (1987). *Technique In The Clinical Supervision Of Teacher: Preservice and Inservice Applications* (4th ed.) New York: Wiley.
- Atan Long (1982). *Pendidik Dan Pendidikan*. Kuala Lumpur: Fajar Bakti Sdn. Bhd.
- Atan Long (1988). *Psikologi Pendidikan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Azhar B. Hamzah (2003). *Ponteng Sekolah dan Kesannya Terhadap Akhlak Pelajar: Satu Tinjauan Di Sekolah Menengah Daerah Tanah Merah, Kelantan*. Universiti Teknologi Malaysia: Tesis Sarjana Muda.
- Azizi Yahaya, Jaafar Sidek Latif, Shahrin Hashim & Yusof Boon (2005). *Psikologi Sosial Alam Remaja*. Kuala Lumpur : PTS Professional Publishing Sdn.Bhd.
- Azizi Yahaya, Nordin Yahaya, Shahrin Hashim, Jamaludin Ramli, dan Vinothini Krishnan (2008). *Perhubungan Antara Ponteng Sekolah, Kelas dan Kurikulum terhadap pencapaian Akademik Pelajar Sekolah Menengah Daerah Skudai, Johor Bahru*. Jurnal Teknologi 54 (Sains Sosial): 25–50 Universiti Teknologi Malaysia.
- Azizi Yahaya, Shahrin Hashim, Shahrin Hashim, Yusof Boon dan How Lee Chan (2007). *Faktor -Faktor yang Mempengaruhi Gejala Ponteng Di kalangan Pelajar Sekolah Menengah Johor*. Jurnal Teknologi. Universiti Teknologi Malaysia.
- Azizah Lebai Nordin (2002), *Masalah Disiplin di Kalangan Remaja*. (Tesis Ph. D, Fakulti Pendidikan, Universiti Malaya, Kuala Lumpur) h. 36.

- Bachman J.G. (1970). *Dropping Out: Problems Of Symptoms*. Michigan: University Press.
- Bandura. A (1977). *Social Learning Theory*. Eagle Wood Cliff, New Jersey : Prentice Hall.
- Bandura, A. (1986). *Sosial Foundations of Thought and Action: A Sosial Cognitive Theory*. New Jersey: Prentice Hall.
- Bandura, A. & Mischel, W. (1986). *Sosial Foundations of Thought And Action: A Sosial Cognitive Theory*. Englewood Cliffs: Prentice Hall.
- Bakhtiar Mansor (1994). *Ponteng, Satu Pendekatan Secara Kaunseling*. Dalam Aminah Hj.Hashim. *Jurnal Bimbingan dan Kaunseling di Malaysia*. Hlm. 165- 176.
- Becker, J (2003). *The Social Creation Of A Social Problem*. (Unpublished Doctoral Dissertation). Washington State University.
- Berita Harian, 10.11.93:23
- Berita Harian, 18 Ogos 2000
- Berita Harian, Julai 2001
- Berita Harian, 15 Oktober 2004
- Berita Harian, 15 April 2006
- Briggs, A. R dan Sommerfeldt, D (2002). *Managing and Effective Learning And Teaching*. America: Paul Chapman Publishing.
- Cooper, M (1974). *Self-Identity In Adolescent School Refusers and Truants*. *Educational Research*.36 (3).229-247.

- Crandall (1977). *The Psychological Structure of Leisure: Activities, Needs, People*.
Journal of Leisure Research. 9 (4:252-263)
- Crowen.T dan Crowen (1980). *Psikologi Pendidikan untuk perguruan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka.
- Czikszentmihalyi, D. (1987). *Reason and Remedies For Gang And Delinquency Among School Age Children*. Sacramento, CA: Calofornia State Department of Education.
- Curry G.D, Decker SH. (1998). *Confronting Gang: Crime and Community*: Los Angeles: Roxbury Publishing Co., 122-122
- Dewan Masyarakat, Jun 2000
- Dewan Siswa, November 1987
- Ee Ah Meng (1992). *Psikologi Perkembangan: Aplikasi Dalam Bilik Darjah*. Kuala Lumpur: Siri Pendidikan Fajar Bakti.
- Ee Ah Meng (1991). *Pedagogi Satu Pendekatan Bersepadu*. Kuala Lumpur: Siri Pendidikan Fajar Bakti.
- Ellis. A. & Grieger, R. (1986). *Handbook Of Rational-Emotive Therapy*: Vol.2, New York: Spinger
- Empey, C.R. (1997). *Issue In Cross- Culture Studies Of Interpersonal Violence*. Springer, New Tork, pp, 24-45
- Finch CR, Crunkilton JR (1979).Curriculum Development in Vacational and Technical Education, Alli and Bacon Inc., Boston, U.S.A
- Foziah Binti Ab.Rahman (1999). *Masalah Ponteng Sekolah Mempengaruhi Keruntuhan Akhlak Pelajar: Satu Kajian Di Sekolah Men. Keb. Kuala*

Tembeling, Jerantut Pahang". Tesis Sarjana Muda Universiti Teknologi Malaysia: Tidak Diterbitkan.

Garber, J.,N.S. dan Valentine, D., (1997). *The Relation Between Parenting and Adolescent Depression: Self-Worth as a Mediator*. Journal of Adolescent Research.1, 12-33. Garmezy, N. Dan Rutter, M

Goodge, W. J. (1988). *Keluarga*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka

Harian Metro, 30 Julai 2005

Harian Metro, 19 Julai 2007

Halcomb (1991). *Cholas : Latino Girl and Gangs*. AMS Press, New York.

Hazil Abd. Hamid (1990). *Sosiologi Pendidikan Dalam Perspektif Negara*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Henry, B., Caspi, A., Moffitt, T.E. dan Silva, P.A., (1996) *Temperamental And Familial Predictors Of Violent And Non-Violent Criminal Convictions: From Age 3 To Age18*. Development Psychology. 32, 614-623

Hirsch (1972). *Social Psychology and Competemporary Society*. Second Edition. Canada.John Wiley and sons Inc.

How Lee Chan (2007). *Faktor- faktor Yang mempengaruhi Gejala Ponteng Di Kalangan Pelajar Sekolah Menengah*. Tesis Ijazah, Universiti Teknologi Malaysia.

Ibrahim Saad (1997). *Ponteng Sekolah Tanggungjawab Semua Pihak dalam Ibrahim Saad (1982)*. Isu Pendidikan Di Malaysia. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, Kementerian Pendidikan Malaysia.

- Idris bin Harun (2000). *Fenomena Budaya Lepak Di kalangan Remaja Luar Bandar, Johor Bahru. Satu Tinjauan*. Universiti Teknologi Malaysia : True Time.
- Ishak Ahmad (2004). *Mengurus Disiplin Pelajar*. Pahang Darul Makmur. PTS Publications & Distributors Sdn. Bhd.
- Ishak Bin Harun (2004). *Sikap Dan Amalan Pelajar Ponteng. Satu Kajian Di Sebuah Sekolah Daerah Keningau*. Jurnal Keningau dalam Penyelidikan Pendidikan. <http://www.geocities.com/jpmmmps/jurnal/01ishak.htm>.2005/3
- Ismail Daros (1981). *Faktor-faktor Yang Menyebabkan Pelajar-pelajar Di Peringkat Menengah Melakukan Kegiatan Ponteng Sekolah, Latihan Ilmiah Yang Tidak Diterbitkan*. Bangi. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Ismail Haji Din (1990). *Cita – Cita Mengejar Dan Merealisasikannya*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka.
- Ismail Yusof (1992), *Perkembangan Pengajian dan Penulisan Tafsir di Malaysia*. Tesis Phd, Universiti Malaya, Kuala Lumpur
- Irwin A. Hyman. 1997. *School Discipline And School Violence* Boston: Allyn and Bacon.
- Ivan (1975). *Understanding Human Behavior*. 5th Ed. New York: Holt. Rinehart dan Winston.
- Jaafar Abdul Rahim (1982). *Seriuskah Masalah Ponteng Sekolah*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Jamal Darus (1989). *Membimbing Anak Muda Dengan Sempurna*. Singapura: Sempurnajaya Publishing.

Jersild A.T Brook (1978). *Factors Controlling Attendance In Rural School*. New York: Teacher College Colombia University Press.

Kamarudin Hj. Husin & Siti Hajar Hj. Abdul Aziz (2004). *Pedagogi Asas Pendidikan*. Kuala Lumpur: Kayazano Enterprise.

Kamaruddin Hj Husin (1996). *Kesekolah Dan Perkembangan Kanak-Kanak*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn Bhd.

Kamarzahri Bin Kamarudin (2000). *Faktor-faktor Yang Menggalakkan Ponteng Di Kalangan Pelajar STP Di Fakulti Pendidikan Universiti Teknologi Malaysia*. Tesis Sarjana Muda Universiti Teknologi Malaysia: Tidak Diterbitkan.

Kamus Dewan dan Pustaka (1994). Edisi Ketiga Kuala Lumpur: Kementerian Pelajaran Malaysia.

Kamus Dewan (1996). Edisi ke-3. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Kamus Dewan (2000). Edisi Ke-3 Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Kementerian Pendidikan Malaysia (1988). *Panduan Tatacara Disiplin Sekolah Untuk Guru Besar Dan Guru*. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka.

Kementerian Pendidikan Malaysia (1994). *Panduan Bagi Mengatasi Ponteng Di Sekolah*: Unit Disiplin Bahagian Sekolah.

Kementerian Pelajaran Malaysia (1979). *Laporan Jawatankuasa Kabinet Mengkaji Perlaksanaan Dasar Pelajaran*. Kuala Lumpur.

Kementerian Pendidikan Malaysia (1998). *Panduan Tatacara Disiplin Sekolah Untuk Guru Besar Dan Guru*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka.

Kenneth D. M (2001). *Classroom Teaching Skills*. (5th edition) New York: McGraw-Hill.

- Khalid Ismail, Ibrahim Tamby Chek & Baharudin Omar (2005). *Pengurusan Bilik Darjah Dalam Konteks Pengajaran dan Pembelajaran Perakaunan*. Cetakan Pertama. Petaling Jaya, Selangor: Pearson Malaysia Sdn.Bhd.
- Kratchoski (1975). *Juveniles, Delinquency And The School*. Chicago: Chicago Uni. Press.
- Lal, S. (1991). *Handbook on gangs in schools: Strategies to reduce gang-related activities*. Newbury Park, CA: Corwin Press
- Mahazad Bin Ab. Majid (2010). *Faktor-faktor Yang Mempengaruhi Masalah Ponteng Di Kalangan Sekolah Menengah*. Universiti Teknologi Malaysia: Tesis Sarjana.
- Mahadzir Mohd Khir (2004), Pendidikan, [http://www.skypin. Tripod. com. htm](http://www.skypin.tripod.com.htm)
- Mahmood Zuhdi (1997). *Pengantar Undang-Undang Islam di Malaysia*. Kuala Lumpur : Penerbit Universiti Malaya.
- Manja Mohd Ludin, (1990). *Psikologi Sosiologi Dan Falsafah Dalam Pendidikan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka
- Maslow, A. Combs, A.W., Kelly, E. dan Rodger, C. (1962). *Perceiving Behaving Becoming*. United state Of America: A New Focus on Education Prepared By ASCD.
- Maslow, A.H. (1970). *Motivation and Personality* (2nd Ed) New York: Harper & Row.
- Marzita Abdullah (2004). *Punca Utama Ponteng*, Portal Pendidikan Utusan.
- Mohamed Hisham Zahari (2000). *Faktor-Faktor Yang Mempengaruhi Ponteng Sekolah Di Kalangan Pelajar Tingkatan 4 Sekolah Menengah Luar*

Bandar Dalam Daerah Kuala Kangsar Perak. Tesis Sarjana Muda Universiti Teknologi Malaysia: Tidak Diterbitkan.

Mohd Noh. (1994). *Disiplin Di Sekolah*. Dewan Masyarakat. 1994, Februari.

Mohd Shubari Ahmad, Zainal Madon dan Mohamad Ibrani (2000) *Psikologi Pembangunan Moore, D.W. dan Hotch, D.F.,(1982). Parent-Adolescence. 11. 115-119. manusia*. Universiti Putra Malaysia: Mc-Graw Hill.128-170

Mohd Yunus Mohamed Noor (1994). *Bimbingan Dan Masalah Ponteng Sekolah. Jurnal Bimbingan Dan Kaunseling di Malaysia*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka. 177-183.

Mohd Fadli Abdul Hamid (1995). *Institusi Keluarga Masa Kini: Satu Hiba*. Tamadun Februari 6-12.

Mohd Ismail Othman (2004). *Undang-undang Untuk Pengetua dan Guru Besar*. Pahang: PTS Publication & Distributors Sdn. Bhd.

Mohd Najib Abdul Ghafar (1998). *Penyelidikan Pendidikan*. Johor: Universiti Teknologi Malaysia.

Mok Soon Sang (2002). *Psikologi Pendidikan untuk Kursus Diploma Perguruan Semester 3*. Subang Jaya: Kumpulan Budiman.

Moore, D.W. dan Hotch, D.F., (1982). Parent –Adolescence Separation: The Role of Parental Divorce. *Journal of Youth Adolescence*. 11. 115-119

Morales, A.T (1992). *Therapy Latino Gangs Member*. In L.A. Vargas. San Francisco: Josses –Bass

Mussen (1974). *Masalah- masalah Pelajar Sekolah Menengah*. Jurnal Pendidikan, Jabatan Pendidikan, UKM. Bil 5 (8-12).

- Mustaza Abu Amin (1994), *Fenomena Ponteng Di Kalangan Pelajar Sekolah Menengah Di Bandar Jasin. Satu Kajian Kes*. B-Ed Fakulti Pendidikan, UTM. Latihan Ilmiah Yang Tidak Diterbitkan
- McCandles, B. R. (1979). *Adolscent: Behavior And Development*. New York: Holt, Rinehart And Winston.
- Nancy Marshall (2004). <http://www.Arkansasnews.com>
- Nik Azis Nik Pa (1990). *Program Pendidikan Pelajar Pintar Cerdas Teori Dan Praktik*. Selangor: Institut Pengajian Ilmu-Ilmu Islam.
- Noraini Ahmad, (2002). *Kaunseling Remaja*. Kuala Lumpur: Utusan Publications Sdn. Bhd.
- N. Rajendran, Ee A. M. (1994). *Pendidikan Moral (Dinamika Guru)*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributor Sdn. Bhd.
- Nurizam B. Mat Saad (2002). *Kesan Dan Pengaruh Iklim Sekolah Terhadap Masalah Disiplin Pelajar*. Universiti Teknologi Malaysia: Tesis Sarjana Muda.
- O'Leary dan O'Leary (1972). *The Influence of Parent and Situation During Adolescence: The Situation Hypotesis Revisited*. Journal of Marriage and the Family.
- Olweus, D. (1978). *Victimisation by Peers: Antecedents And Longterm Outcomes*. In K.H. Rubin J.B. Asendorpf (Eds.), *Social Withdrawal, Inhibition and Shyness In Childhood* Hiildale, NJ: Erlbaum.
- Omardin Ashaari (1996). *Pengurusan Sekolah*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributor Sdn. Bhd

- Prof. Madya Dr. Mahzan Arshad (2005). *“Disiplin pelajar - Kerjasama ibu bapa, guru penting”*. Utusan Malaysia
- Raven, J. (1978). *School Rejection and its amelioration- Educational*. Research, Vol.20
- Renfrew, J.W (1997). *Aggression And It Causes: A bio Psychosocial Approach*. New York: Oxford University Press.
- Robert J. Havighurst (1967). *Adolescent Character and Personality*. New York :John Willey & Sons. Inc.
- Robert J. Havighurst (1971). *Developmental Tasks and Education*, Third Edition New York. Longman.
- Rohaty Mohd. Majzub (1992). *Psikologi Perkembangan*. Kuala Lumpur.
- Ropiah Binti Mohamad (2005). *Faktor-faktor Persekolahan Daerah Muar, Yang mempengaruhi Masalah Ponteng Di Kalangan Pelajar. Satu Kajian Kes Terhadap Pelajar Tingkatan Empat Di salah Sebuah Menengah Di Daerah Muar. Johor*. B-Ed Fakulti Pendidikan, UTM.
- Rozumah Baharudin (2003). *Pengenalan Ringkas: Sosialogi Sekolah*. Kuala Lumpur: Thinkers Library.
- Ruhiya Idayu (1986). *Ponteng Dan Permasalahannya: Isu Pendidikan Di Malaysia*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka.
- Sigamoney, S. (1984). *Disiplin Sekolah, Definisi Dan konsep-konsep Disiplin. Melalui Sistem Perlakuan Positif Dan Perlakuan Negatif (Merit/ Demerit Sistem) Penguah*. Jurnal akademik dan Profesyenal Maktab Sultan abu Bakar Johor Bahru. hlm 11-28.
- Schafer & Olexa (1963). *School And Delinquency*. Englewood: Prentice Hall Inc.

Slater, P.E., (1962). *Parent Behaviour And The Personality Of The Child*. The Journal Of Genetic Psychology. 101, 53-68.

Smith (1969). *National Foundation of Educational Research*. England

Syarifah Alwiah Alsagoff (1984). *Falsafah Pendidikan*. Kuala Lumpur: Heinamen Educational Books (Asia) Ltd.

Tan Kui Ngor (2006). *Pengaruh Persekitaran Sekolah Terhadap Masalah Disiplin Pelajar Dan Kaedah Pengurusan Disiplin*. Universiti Teknologi Malaysia: Tesis Sarjana.

Tom V. Savage (1991). *Discipline For Self Control*. New Jersey: Prentice- Hall, Inc.

Thomas Dishion (1991). *Buli Dan Masalah Disiplin Ponteng*, <http://www.novandri.blogspot.com.html>

Tygart (1991). *Chaos in the classroom An Application of Chaos Thory*. Paper Presented at The Annual Meeting of The American Educational Research Association. Chicago, March.

Utusan Malaysia, 2.4.2001.

Utusan Malaysia, 1994

Weinstein (2003). *Secondary Classroom Management*. Edisi Kedua. New York: McGraw-Hill.

Vinothini Krishnan (2008). *Perhubungan Antara Ponteng Sekolah, Kelas dan Kurikulum terhadap pencapaian Akademik Pelajar Sekolah Menengah Daerah Skudai, Johor Bahru*. Tesis Ijazah, Universiti Teknologi Malaysia.

- Yaakub Hj Yusuf (1977). *Sikap Ibu Bapa Pelajar Ponteng Dengan Sikap Ibu Bapa Pelajar Tidak Ponteng. Satu Perbandingan*. Latihan Ilmiah Yang Tidak Diterbitkan.
- Zainol B. Darus (2002). *Faktor-faktor Sekolah Menyebabkan Pelajar Ponteng Di SMK Teknik Butterworth*. Universiti Teknologi Malaysia: Tesis Sarjana Muda.
- Zulkarnain B. Kamarudin (2002). *Faktor-faktor Yang Mempengaruhi Pelajar Ponteng Di Sekolah Menengah Teknik Sultan Ahmad Shah, Kuala Rompin, Pahang*. Universiti Teknologi Malaysia: Tesis Sarjana Muda
- Zurina (1998). *Delikunsi Juvana Peranan Dan Tanggungjawab Ibu Bapa Dan Masyarakat*, Seminar Persidangan pada 11-13 Mei di Kuala Lumpur, 1993.